

Tindakan tutup PSB sesuai: PM

Oleh Izman Ismail

BM 14/11/2009

KUALA LUMPUR: Langkah menutup Pasaran Saham Bumiputera (PSB) memang sesuai berikutan banyak syarikat Bumiputera di pasaran itu mampu disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri yakin matlamat penubuhan PSB untuk membantu mengumpul modal syarikat Bumiputera bagi disenaraikan di BSKL tidak lagi begitu penting sekarang.

Menurutnya, perubahan itu berikutan prestasi kebanyakan syarikat Bumiputera yang disenaraikan di PSB menunjukkan

peningkatan ekonomi dan kemampuan mereka berdikari.

"Kita yakin fungsi PSB menjadi tidak begitu penting lagi bagi membantu syarikat Bumiputera kerana kebanyakan syarikat yang disenaraikan dalam Papan Kedua BSKL sudah menunjukkan persaingan.

"Selain itu, kita juga bangga melihat syarikat besar yang disenaraikan di BSKL adalah milik Bumiputera yang sesetengahnya berasal daripada PSB," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan kewangan kepada lapan pertubuhan anak yatim di

sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor di sini malam tadi.

Akhbar ini kelmarin melaporkan kemungkinan PSB ditutup berikutan lima syarikat yang disenaraikan di bursa itu mahu meninggalkannya untuk disenaraikan dalam BSKL.

Syarikat itu ialah S J Kumpulan Berhad, Syarikat Permodalan Kebangsaan Berhad, Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Berhad, Utusan Melayu Bhd dan MIT Holdings Bhd.

Mengulas perlantikan Senator Nazri Tan Sri Aziz sebagai Pengerusi Mara yang baru, Perdana

Menteri berharap Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno mampu membuat perubahan menyeluruh terhadap badan amanah itu.

Menurutnya, beliau sudah berbincang dengan Nazri mengenai pelbagai perkara membabitkan masa depan Mara termasuk pentingnya Mara disusun semula supaya ia berfungsi seperti matlamat asal.

"Ini kerana Mara, selaku badan pertama ditugaskan untuk membantu Bumiputera dalam bidang ekonomi dan ini patut dijadikan matlamat dan contoh kepada agensi Bumiputera lain," katanya.